

Mereka merupakan belia Melayu yang memiliki cita rasa tersendiri dalam bidang muzik. Apabila mereka bersatu hati dalam memajukan muzik jenama 'anak muda', mereka bereksperimen dengan lagu Inggeris bagi menembusi pasaran lebih luas. Ikuti laporan wartawan **HARYANI ISMAIL** (haryani@sph.com.sg) tentang kisah dua kelompok penggiat muzik muda dari Singapura dan Malaysia.

'Set On You' satukan idea tiga sekawan

APABILA seorang penerbit berbilang media bergabung idea muzik dengan mahasiswa pengurusan perniagaan dan mahasiswa kejururawatan, hasilnya adalah lagu cinta rancak, *Set On You*.

Lagu hasil kerjasama pemuzik dan penyanyi rap, Muhammad Farhan Shafie (FRGN), 25 tahun, Tiara Azalea Kamarudin dan Yazsar Zainal, kedudunya 24 tahun, diterbitkan Februari lalu dengan klip video sekali.

Ia juga bakal disajikan di pasar lambak era baru *Twilight* di Dewan 401.402, Pusat Persidangan Suntec City pada 7 malam 4 Ogos ini.

Kerjasama tiga belia ini amat menyegarkan dengan setiap satu mempunyai misi muzik tersendiri.

Dalam pertemuan bersama *Gah!* di pejabat *Berita Harian*, Farhan yang juga bergerak dengan band sendiri, *Rendered 27*, berkata:

"Saya dan Yazsar adalah teman sekolah menengah selama lebih sedekad. Setelah sekian lama tidak bersua, kami menyedari ada sesuatu yang menyatukan kami iaitu muzik.

"Yazsar sudah pun mempunyai single Melayu yang diterima baik, *Aku Rindu Kamu*.

Tiara pula saya temui tanpa dirancang ketika beliau sedang mendedarkan risalah di Tampines Mall. Wajahnya biasa saya lihat dan menerusi seorang teman, saya tahu beliau juga boleh bermain piano dan menyanyi.

"Maka kerjasama kami itu datang dengan sendirinya bagi sudah diatur. Alhamdulillah, semuanya berjalan lancar dengan harapan kami dapat bekerjasama lagi bagi projek akan datang."

Pada awalnya, Farhan hanya merancang mencipta lagu Inggeris bagi paduan suara Yazsar dan Tiara. Beliau membayangkan duet bertema persis penyanyi Barat, Drake dan Rihanna.

"Saya membayangkan hubungan yang kompleks antara seorang lelaki dengan seorang wanita.

"Mulanya, saya hanya ingin hasilkan lagu ini dan menerbitkannya sahaja.

"Tapi mereka berdua merasakan saya harus sertai sahaja dengan lontaran dendangan rap jika saya tidak selesai menyanyi sama.

"Mereka mahukan nama saya juga ter-

tera pada lagu *Set On You* ini kerana ia kolaborasi kami bertiga," ujarnya lagi.

Secara umum, lagu ini mengisih tentang seorang lelaki yang benar-benar menaruh hati pada seorang wanita tetapi hubungannya mereka tidak kesampaian.

Ia luahan rasa si jejaka yang tahu gadis itu juga mencintainya meskipun rasa cinta itu tidak diluahkan.

Tiara, yang mengambil bidang perniagaan di Universiti Pengurusan Singapura (SMU) pula menganggap penghasilan *Set On You* bagaikan pucuk dicita, ulam mendatang. "Sejak kecil, saya minat menyanyi malah gemar dengan lagu idola pop, Britney Spears.

"Saya juga boleh bermain piano dan selo. Cuma masalahnya saya agak pemalu bagi mengetengahkan bakat seni saya.

"Saya akan teragak-agak melakukannya hinggalah kakak saya memberi saya dorongan agar menghasilkan lagu saduran atau *cover* irama popular.

"Justeru itu, merakam *Set On You* benar-benar mengotakan impian kanak-kanak saya untuk merakam lagu sendiri," tambahnya.

Yazsar yang mengikuti ijazah kejururawatan di Universiti Nasional Singapura (NUS) pula menganggap cabaran yang dihadapi bagi menghasilkan *Set On You* terletak pada komunikasi berkesan.

"Biasanya, apabila saya hasilkan single sendiri, saya berurusan dengan seorang penerbit.

"Mendapatkan kata sepakat dengannya sahaja sukar, apa lagi nak sejarikan tiga idea (bersama Farhan dan Tiara) bagi satu projek schala.

"Menerusi kerjasama ini, saya banyak belajar erti kerja berpasukan dan juga bertolak ansur," jelasnya.

SINERGI BERTIGA: (Dari kiri) Yazsar Zainal, Tiara Azalea Kamarudin dan Muhammad Farhan Shafie (FRGN) menyatukan idea dan tenaga mereka bagi menjana single Inggeris *Set On You* yang mengisahkan cinta tidak menjadi dalam mood irama rancak. - Foto HANIF AFANDI

